

HARI : SELASA
 TARikh : 23/7/2019
 M/SURAT : 10

KPDNHEP bentuk kerjasama jawatankuasa khas

KUALA LUMPUR 22 Julai - Berikutnya isu penyalahgunaan vape dalam kalangan pelajar sekolah, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memandang serius mengenai perkara ini dan akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan beberapa agensi kerajaan lain untuk mengambil langkah pencegahan dan kawalan.

Menurut Bahagian Standard Kepenggunaan kementerian itu, KPDNHEP akan terus mempertingkatkan kerjasama dengan agensi terlibat seperti KKM, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia melalui jawatankuasa khas bagi menangani gejala penggunaan rokok elektronik dalam kalangan juvana.

"Manakala bagi isu gula-gula berasap (*smoke candy* atau *ghost candy*) pula, didapati produk tersebut adalah merupakan produk makanan dan tidak termasuk di bawah kategori rokok elektronik.

"KPDNHEP akan bekerjasama

dengan KKM bagi memastikan aktiviti penjualan produk ini mematuhi peraturan sedia ada," kata kenyataan itu di sini hari ini.

KPDNHEP mengulas laporan *Mingguan Malaysia* semalam dalam siri laporan khas mengenai penyalahgunaan vape dalam kalangan pelajar sekolah.

Laporan berita itu memetik penyalahgunaan vape ini semakin membimbangkan membatitkan kelompok pelajar sehingga di peringkat sekolah rendah.

Tambah kenyataan itu, berdasarkan semakan KPDNHEP, penjualan rokok elektronik di platform dalam talian seperti Lazada dan Shopee mendapat telah ditetapkan penjualan kepada pengguna berumur 18 tahun ke atas sahaja.

Kata bahagian kementerian itu lagi, pihaknya akan bertindak berdasarkan bidang kuasa sedia ada melalui penguatkuasaan Perintah Kawalan Harga (Pelabelan oleh Pengilang, Pengimport, Pengeluar atau Penjual borong) 1980.

Jelasnya, setiap produk ter-

sedia bungkus yang dijual di pasaran mestlah mematuhi penandaan butiran-butiran seperti diperuntukkan di bawah perintah tersebut.

Selain itu, kata kenyataan berkenaan, bagi tujuan mengawal aktiviti yang melibatkan rokok elektronik tanpa nikotin, Garis Panduan Aktiviti Penerbitan, Pengedaran dan Peruncitan Peranti Serta Cecair Rokok Elektronik Tanpa Nikotin telah pun dikeluarkan berkuatkuasa mulai 1 April 2018.

Sehubungan itu, menurut kenyataan berkenaan, garis panduan berkenaan bertujuan memberikan panduan kepada pihak industri (pengluar, pengedar dan peruncit) dalam mematuhi perundangan yang bakal dikeluarkan nanti dan pada masa yang sama mereka.

"KPDNHEP dan Kementerian Kesihatan sedang bekerjasama dalam Jawatankuasa Framework Convention on Tobacco Control (FCTC) yang dipengerusikan oleh Menteri Kesihatan termasuklah membangunkan rang undang undang (RUU) baru bagi mengawal aktiviti hasil tembakau dan merokok termasuklah rokok elektronik," kata kenyataan berkenaan.

